

SOALAN NO: 52

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : DATO' DR. HAJI NOOR AZMI BIN GHAZALI
[BAGAN SERAI]
TARIKH : 20 MAC 2018
SOALAN : 52

Dato' Dr. Haji Noor Azmi Bin Ghazali [Bagan Serai] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan data taburan pokok ketum di Malaysia, undang-undang serta kawalan dan kesannya terhadap pembangunan penyelidikan yang dikatakan ada potensi untuk rawatan sakit yang kronik dan penagihan dadah.

Tuan Yang di-Pertua,

Pokok ketum, juga dikenali sebagai pokok biak atau pokok kratum ialah sejenis tumbuhan daripada famili *Rubiaceae* dan daripada genus *Mitragyna*. Pokok ini banyak ditemui di utara Semenanjung Malaysia dan juga boleh ditemui di negeri-negeri lain.

Alkaloid *mitragynine* yang didapati di dalam daun ketum telah disenaraikan sebagai bahan psikotropik di bawah Jadual Ketiga, Akta Racun 1952 [Akta 366] semenjak tahun 2003 dan terdapat kawalan khas ke atas aktiviti pengimportan, penjualan, pembekalan, pemilikan dan

125

penggunaannya di bawah Peraturan-peraturan Racun (Bahan-bahan Psikotropik) 1989. Di bawah Akta dan Peraturan ini, sesiapa yang mengimport, mengeksport, menjual, membekal, memiliki atau menggunakan bahan psikotropik secara bertentangan dengan kehendak Akta dan Peraturan tersebut telah melakukan kesalahan di bawah Akta 366 dan jika disabitkan kesalahan boleh dihukum dengan denda tidak melebihi RM10,000 ringgit atau penjara tidak melebihi empat tahun atau kedua-duanya sekali.

Walau bagaimanapun, kawalan sedia ada ini tidak cukup untuk mengekang penyalahgunaan ketum. Sehubungan itu, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dalam proses meminda Akta 366 bagi meluaskan skop Akta 366 agar merangkumi kawalan ke atas tumbuhan psikoaktif seperti pokok ketum dan larangan untuk mengambil ketum. Pindaan ini akan meliputi kawalan ke atas aktiviti perladangan, penanaman, pengimportan, pengeksportan, pembekalan, penjualan dan pemilikan tumbuhan psikoaktif. Peruntukan hukuman yang lebih deteren bagi kesalahan-kesalahan berkaitan bahan-bahan psikotropik dan tumbuhan psikoaktif juga akan diperuntukkan.

Untuk makluman YB Bagan Serai, cadangan peluasan kawalan ke atas tumbuhan ketum di bawah Akta 366 tidak akan menghalang sebarang bentuk penyelidikan atau kajian ke atas tumbuhan tersebut pada masa hadapan kerana Menteri Kesihatan boleh membuat peraturan bagi melarang, mengawal atau mengehadkan aktiviti-aktiviti tersebut bagi tujuan yang tertentu bagi memastikan aktiviti yang dijalankan adalah untuk tujuan yang sah dan selaras dengan peruntukan undang-undang.

Berkenaan data taburan pokok ketum di Malaysia, KKM tidak dapat membekalkan data yang dimaksudkan kerana pembiakan pokok ketum bukan di bawah kawalan Kementerian ini.

Tuan Yang di-Pertua,

Buat masa ini, kajian yang telah dijalankan di bawah KKM ke atas daun ketum meliputi kajian analisa dan pengenalanpastian bahan. Hasil kajian tersebut mendapati *mitragynine* adalah merupakan kompaun aktif yang mencirikan ketum.

Kajian keselamatan di dalam tikus menunjukkan penggunaan sekali dalam dos yang tinggi boleh menyebabkan kerosakan hati dan buah pinggang. Kajian bagi pengambilan dalam jangka masa yang panjang pula menunjukkan penurunan berat badan, kemerosotan tingkah laku dan kerosakan kepada organ dalaman. Di dalam kajian yang lain, ketum dilaporkan menyebabkan kegagalan pembentukan tulang belakang di dalam janin tikus.

Kajian pemerhatian ke atas penggunaan air daun ketum oleh manusia menunjukkan bahawa penggunaan dalam tempoh yang lama akan menyebabkan ketagihan terutama bila disalahgunakan bersama dengan dadah haram yang lain. Apabila berhenti, para pengguna mengalami tanda-tanda pengunduran atau gian (*withdrawal symptom*) seperti kesakitan otot, tidak boleh tidur (*insomnia*), keletihan melampau dan sakit dada. Terdapat juga kajian kes di mana bayi yang dilahirkan oleh ibu yang mengambil ketum dalam jangkamasa yang panjang menunjukkan tanda-tanda pengunduran dan dipercayai ketum yang diambil oleh ibunya disalurkan kepada bayi melalui uri.